

• BANDARAYA MASA KINI •

KUALA LUMPUR

• THE CITY OF OUR AGE •



KUALA LUMPUR —
Bandaraya rakyat dengan
perwatakan yang sentiasa
berubah-ubah.
Sesungguhnya bandaraya
Kuala Lumpur membawa
pengertian yang berbeza-
beza bagi rakyat Malaysia.
Untuk memulakan Buku
Bergambar ini, kami
mempersembahkan
kepada anda beberapa
pandangan dari
sebilangan rakyat
Malaysia ini.

**KUALA LUMPUR KEPADA
SAYA BERMAKNA ...**
berikut ialah pandangan
dan bayangan ...

Abdullah Mat Noh
Pengurus Bank

Pusat perniagaan bandaraya
sedang pesat membangun
dengan adanya berbagai-
bagai kemudahan yang
menjamin kecekapan dan
keberkesanan. Oleh itu,
kami dapat menguruskan
perniagaan kami di
peringkat antarabangsa
dengan penuh keyakinan.

Harun Mishar
Guru

Bandaraya ini selamat ...
saya merasa yakin bahawa
anak-anak saya dapat
membesar dengan
selamatnya di sini.

Pembangunan kelihatan di
mana-mana sahaja-di
bidang perumahan, sistem
jalanraya, pengangkutan
awam, sukan, pelajaran,
perniagaan dan kebudayaan.

Wu Min Lee
Pengurus Besar/Pengarah

Sepertimana jua bandaraya
Asia yang lain, Kuala Lumpur
juga menggambarkan
percampuran yang secocok
di antara cara hidup lama
dengan yang baru. Ia
sesungguhnya berjaya
mencerminkan satu contoh
muhibah atau kehidupan
harmoni yang baik.

Ahmad Khalid Yusof
Pelukis dan Pengajar Lukisan

Kalau dilihat dari mana-mana
sudut pandangan ataupun
pendekatan, Kuala Lumpur
tetap indah. Kini, Kuala
Lumpur semakin menonjol
perwatakannya yang
komprehensif itu. Dalam
membangunkan Kuala
Lumpur, perancangan yang
teliti tentulah terlibat di
dalam membangunkannya.

Sesungguhnya, Kuala Lumpur
sedang pesat membangun
untuk menjadi bandaraya
pilihan kita.

KUALA LUMPUR — a
*people's city and with
changing facets in
personality. The City
means different things
to Malaysians. We bring to
you, at the start of this
pictorial book some of
their views.*

**WHAT KUALA LUMPUR
MEANS TO ME ... a**
*compendium of views
and reflections.*

Abdullah Mat Noh
Banker

*The City's commercial centre
is fast developing with
facilities that assure speed
and efficiency. It is with
confidence that we take on
greater international
transactions.*

Harun Mishar
Teacher

*The City is safe ... I feel
confident for my children to
grow up strong in it. There
is constant development —
in housing, the road system,
public transport, sports,
education, business and
culture.*

Wu Min Lee
General Manager/Director

*Like many of her Asian sisters
the City epitomises the perfect
blend of the new and old
way of life. Truly a fine
example of "muhibbah" or
harmonious living.*

Ahmad Khalid Yusof
Art Educationist and Artist

*The City is beautiful from
any angle or approach. It is
showing more and more, a
comprehensive character.
Much planning must have
gone into its development.
Kuala Lumpur is fast
becoming a City of our
choice.*



M U K A D I M A H

oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Pertambahan penduduk dan kemiskinan adalah merupakan dua masalah yang dihadapi oleh hampir kesemua negara di dunia, dan Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengalami fenomena ini.

Kedua-dua masalah ini, pada asasnya, telah menjadi pendorong utama kepada Dewan Bandaraya untuk menumpukan sepenuhnya perhatian terhadap kegiatan membangunkan sebuah bandaraya yang lebih baik untuk semua peringkat masyarakat. Di dalam hal ini, keutamaan yang lebih adalah diberikan kepada penduduk bandaraya yang miskin.

Selain daripada dua permasalahan utama tadi, beberapa isu lain juga turut terlibat. Misalnya, bertambah ramai orang yang mahukan perumahan yang bermutu, kemudahan lipurdiri, jenis pengangkutan yang lebih cepat, cekap dan mudah, peluang-peluang kerja yang lebih menguntungkan, dan yang terutama sekali ialah "hometown" yang indah dan nyaman serta mempunyai imej yang setanding dengan bandaraya lain yang moden di dunia ini. Sesungguhnya senarai kehendak-kehendak orang ramai ini amatlah panjang sekali, dan adalah menjadi tugas kami untuk cuba memenuhinya.

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, usaha dan tenaga kami adalah ditumpukan kepada kegiatan pembangunan bandaraya serta membangunkan semula beberapa tempat tertentu di sekitar bandaraya ini.

Oleh kerana negara kita sedang melaksanakan konsep pertumbuhan ekonomi yang seimbang, melalui penggunaan sumber-sumber asli negara dengan secara optimum dan berkesan, maka pertumbuhan bandaraya ini juga seboleh-bolehnya diarahkan kepada pencapaian matlamat ini. Kepelbagaian dan cabaran di dalam merancang pembangunan bandar pada hakikatnya adalah sama hebat dan rumitnya dengan kehidupan bandaraya dewasa kini. Kami akan cuba sedaya upaya untuk mengimbangi perkembangan ini tanpa mengorbankan unsur-unsur kemanusiaan di dalam setiap perancangan yang kami lakukan.

Buku mengenai Kuala Lumpur ini tidak terhad kepada mana-mana aspek kerana kita sedang berada di tengah-tengah perubahan yang pesat di dalam berbagai-bagai bidang. Kita pasti akan dapat menyaksikan kelak suatu pemandangan Kuala Lumpur yang indah dan pragmatik, yang dapat dinikmati oleh kesemua penduduk dan para pengunjung bandaraya ini.

Kami berharap buku bergambar ini dapat memberi para pembacanya sedikit gambaran dan kefahaman mengenai Kuala Lumpur di masa yang lalu, di masa kini dan di masa yang akan datang.

INTRODUCTION

By The Lord Mayor of Kuala Lumpur

In nearly every country, and ours is no exception, the problems of population increase and poverty are experienced.

Basically these two problems have prompted City Hall to address its full attention to developing a better city for all levels of society, with assuredly more priority given to the urban poor.

Naturally, a range of other issues come into focus. More and more people want quality housing, recreational facilities, faster, efficient and more convenient transportation modes, gainful employment opportunities and above all a pleasant and beautiful "home town" with an image comparable to other modern cities of the world. The order is long and it is up to us to fulfill it.

Our efforts and resources are directed towards urban development and in some parts of the City, urban redevelopment.


Since the nation is implementing the concept of balanced economic growth through the optimum and effective utilization of its resources, the growth of this capital city also has to be managed in this direction. The variety and challenges of urban planning are as broad and intricate as contemporary life itself. We strive for a balanced growth with no sacrifice of the human element in all our planning endeavours.

This book on Kuala Lumpur is by no means limited as we are in the midst of rapid change in various fields. We will witness, among the bricks and cement, a vision of Kuala Lumpur in a sea of beautiful but pragmatic cities, to be enjoyed by its residents and visitors alike.

We hope that this pictorial book will provide readers with some insight into the past, present and future of Kuala Lumpur.



DATO' ELYAS OMAR



DATO' ELYAS OMAR

